

Shima dapat tawaran duduki PPR

Oleh **JUANI MUNIR**
ABUBAKAR
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 30 OGOS

KESUSAHAN kehidupan penyanyi 90-an yang terkenal dengan lagu *Teringin*, Shima akhirnya mendapat pembelaan apabila penggiat seni itu hari ini mendapat surat tawaran menduduki Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Menurut Shima atau nama sebenarnya Ku Nazhatul Shima Ku Kamarazzaman, 50, dia bersyukur kerana tawaran itu secara tidak langsung dapat mengurangkan bebannya ekoran beberapa masalah dihadapi sebelum ini.

Katanya, memandangkan menghidap penyakit slip disc (sakit belakang) sejak kebelakangan ini, dia tidak dapat menjalankan perniagaan warung makanan dan sekali gus menjejaskan pendapatannya.

"Malah Shima kini terpaksa bayar sewa rumah berjumlah RM600 sebulan dan tidak termasuk kos-kos lain, maka ia agak terbeban bagi Shima dan suami.

"Nasib dapat tawaran rumah PPR, walaupun sewanya berjumlah RM255 sebulan tetapi ia lebih rendah daripada sewa rumah sekarang. Shima hanya mampu ucap Alhamdulillah," katanya dalam sidang akhbar selepas

Majlis Penyerahan Surat Tawaran PPR di sini hari ini.

Terdahulu, Shima menerima surat tawaran PPR Lembah Subang 2 yang disampaikan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Ketika ditanya sama ada dia boleh membayar sewa bulanan PPR itu, penyanyi genre pop dan rock berkata, sehingga kini dia mampu di samping bantuan zakat Kerajaan Negeri Selangor.

Katanya, malah pendapatan suami, Abdullah Rosli, 42, sebagai pekerja kontrak mampu menampung kehidupan pasangan suami isteri itu.

"Hendak kata kehidupan kami susah sampai tidak makan, tiada sampai ke tahap begitu, tetapi cukup untuk menyara makan minum kami sekeluarga," katanya.

Sementara itu, Zuraida memaklumkan, pihaknya menerima 122 permohonan PPR yang melibatkan penggiat seni dengan 19 daripadanya ditolak kerana telah memiliki rumah.

"Mereka akan memiliki rumah PPR dalam masa terdekat selepas proses pendaftaran selesai. Apabila sudah lengkap, kita serah surat tawaran.

"Daripada jumlah PPR diperuntukkan, 50 unit daripadanya di PPR Subang Lembah Jaya 2 seperti diberikan kepada Shima hari ini," katanya.



ZURAIIDA KAMARUDDIN (dua dari kiri) menyampaikan surat tawaran PPR Lembah Subang 2 kepada Shima (dua dari kanan) di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ROSNI MASRI